

# Penerapan Elemen Pengurusan Dalam Pembelajaran Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur

*(The Application of Management Elements in Learning the Novel of  
Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur)*

Aniss Tanisha<sup>1\*</sup>, Norazimah Zakaria<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [anisstanisha09@gmail.com](mailto:anisstanisha09@gmail.com)

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.36>

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan beberapa elemen pengurusan dalam pembelajaran Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur serta menganalisis prinsip pengurusan dalam pembelajaran Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur berdasarkan Teori Konstruktivisme. Kaedah penyelidikan secara kualitatif telah digunakan untuk pelaksanaan kajian ini. Pemilihan subjek kajian adalah 5 orang pelajar tingkatan 6 yang mengambil subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif di dua buah sekolah yang berlainan dalam daerah Bachok, Kelantan. Antara instrumen kajian yang digunakan adalah penyelidikan secara temubual. Hasil kajian menunjukkan kerelevanan penerapan aspek pengurusan dalam konteks pembelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif serta bagaimana silang ilmu antara aspek pengurusan dan subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif yang dilihat melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur. Kesimpulannya, pelajar tidak hanya diterapkan dengan pembelajaran secara berfokus terhadap satu aspek sahaja, dengan penerapan pelbagai unsur seperti pengurusan di dalam subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif ini mampu mengubah persepsi pelajar sendiri terhadap subjek yang dipelajari. Kesimpulannya, penerapan elemen pengurusan di dalam matapelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif secara tidak langsung telah mengangkat nilai komersial subjek tersebut.

**Kata kunci:** Pengurusan, Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur, Kesusasteraan Melayu Komunikatif

**Abstract:** This study aims to explain some elements of management in the learning of Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur as well as analyze the principles of management in learning Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur based on Constructivism Theory. Qualitative research methods were used in this study. The selection of study subjects were 5 Form 6 students who took the subject of Communicative Malay Literature in two different schools in the district of Bachok, Kelantan. Among the research instruments used is research by interview. The results show the relevance of the application of management aspects in the context of learning Communicative Malay Literature as well as how the cross-knowledge between management aspects and the subject of Communicative Malay Literature seen through teaching and learning in the novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur. In conclusion, students are not only applied with learning focused on one aspect only, with the application of various elements such as management in the subject of Communicative Malay Literature is able to change students' own perception of the subject studied. In conclusion, the application of

*management elements in the subject of Communicative Malay Literature has indirectly raised the commercial value of the subject.*

**Keywords:** Management, Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur, Kesusasteraan Melayu Komunikatif

---

## 1. Pengenalan

Kesusasteraan Melayu mempunyai sebuah cakupan bidang ilmu yang begitu luas untuk dibuat penelitian melalui karya sasteranya. Sastera juga disebut juga sebagai bidang seni kreatif yang medium pengantarnya adalah bahasa seperti mana yang telah dinyatakan oleh tokoh Harun Mat Piah (2006). Unsur sastera merupakan bidang yang mampu mengkaji serta dialisis secara tersurat atau tersirat. Kajian ini dilaksanakan bagi melihat konteks silang ilmu diantara ilmu pengurusan dan karya kesusasteraan yang dipelajari melalui subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Penerapan elemen pengurusan yang disesuaikan dengan unsur sastera menjadi satu perkaitan yang jelas memperlihatkan bahawa unsur sastera mampu Cynthia & Azhar (2019) menyatakan Kesusasteraan Melayu yang menjadi satu cabang ilmiah yang juga menjadi satu medium dalam menjana pembentukan modal insan. Hal ini demikian kerana, generasi perintis wajar diterapkan dengan nilai sebegini supaya mereka lebih bersedia untuk menjadi pemacu masa depan bangsa.

Wadah sastera juga menjadi sebuah landasan utama yang membawa kepada perihai kebudayaan masyarakat. Selain itu subjek ini menjadi satu medium untuk menyebarkan ilmu kepada masyarakat berkenaan nilai-nilai. Unsur pengajaran juga didedahkan dalam karya sastera bertujuan untuk memberi teladan serta pedoman kepada pembaca. Dengan ini, tidak hairanlah jika subjek Kesusasteraan Melayu tetap dijadikan salah satu subjek elektif di sekolah memandangkan terlalu banyak ilmu yang mampu digarap oleh pelajar apabila mempelajari subjek ini. Subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) ini ditawarkan sebagai salah satu subjek elektif pada peringkat menengah atas iaitu kepada pelajar tingkatan 4 dan juga tingkatan 5. Bagi pelajar tingkatan 6 atau dikenali juga sebagai pelajar pra-universiti, subjek KMK juga ditawarkan kepada pelajar menerusi pembelajaran secara semester dan pada setiap semester, pelajar didedahkan dengan pelbagai konteks ilmu sesuai dengan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan.

Di negara kita terdapat ramai para penulis yang telah berjaya membina nama sebagai penulis yang menulis novel yang popular seperti Shahnnon Ahmad, Usman Awang dan Keris Mas. Tokoh sasterawan Keris Mas atau Kamaluddin Muhamad telah diangkat menjadi Sasterawan Negara pada tahun 1981. Dalam pada sebelum bertukar ke Utusan Melayu di Singapura, Keris Mas pernah berkhidmat di akhbar Melayu Raya dan Warta Negara Tumpuan yang mana tugas beliau pada ketika itu adalah menjadikan majalah Mastika serta akhbar Utusan Zaman menjadi pilihan pembaca. Pengarah DBP cawangan Johor Bharu pada ketika itu dikenali sebagai Ungku Aziz yang menjadi telah menjemput Keris Mas untuk berpindah ke Dewan Bahasa dan Pustaka, kemudian beliau telah bertanggungjawab sebagai Ketua Pengarang majalah di Dewan Bahasa serta Dewan Sastera.

Salah satu novel yang popular karya Keris Mas adalah Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur yang diterbitkan pada tahun 1982. Novel tersebut menyorot secara kritis dasar yang berlangsung pada 1971 hingga 1990, sekaligus dipilih sebagai novel yang wajib dibaca untuk Jejak Novel Merdeka. Saifullizan Yahaya (2017) menyatakan bahawa novel tersebut

mengandung idea serta pendapat Keris Mas yang mengenai isu pembabitan orang Melayu dalam bidang perniagaan serta pembangunan ekonomi. Beliau yang juga berkata, melalui novel ini juga turut diceritakan bagaimana perihal bangsa Melayu yang mempunyai impian yang besar untuk membangunkan negara bangsa selepas mencapai kemerdekaan supaya mampu setanding dengan bangsa lain di dunia. Saudagar Besar dari Kuala Lumpur yang berlatarkan dunia korporat asalnya telah ditulis secara bersiri dalam akhbar dari Mac hingga November 1981 tetapi kemudian ia telah diterbitkan semula dalam bentuk novel pada tahun 1982 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Novel itu kemudian telah digunakan sebagai buku teks untuk subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif bagi pelajar tingkatan 6.

Jika dilihat melalui aspek utama dalam novel ini adalah berkaitan isu semasa iaitu isu pembangunan yang terdapat negara. Tidak hanya itu sahaja, konteks pengurusan juga dapat dilihat melalui novel tersebut. Aspek pengurusan merupakan salah satu elemen yang diterapkan dalam subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan 6 dalam Penggal 3. Ia meliputi tiga sub-topik seperti prinsip asas pengurusan, terapan terhadap teks dan organisasi sastera. Namun dalam kajian ini, pengkaji hanya akan memfokuskan untuk sub-topik utama iaitu prinsip asas pengurusan yang merangkumi aspek perancangan, pengorganisasian, tenaga kerja, kepimpinan serta kawalan.

Uma Sekaran (2006) menyatakan bahawa masalah ialah keadaan atau satu situasi yang mewujudkan jurang keadaan sebenar dan keadaan ideal. Dalam kajian ini, permasalahan utama adalah untuk melihat dan mengkaji kerelevanan aspek pengurusan yang diterapkan dalam pembelajaran kesusasteraan melayu komunikatif. Merujuk kepada sukatan pelajaran Tingkatan 6 dalam subjek Kesusasteraan Melayu, sememangnya sudah diterapkan konteks pengurusan yang akan dipelajari oleh pelajar tingkatan enam pada penggal ke 3. Masalah atau isu yang hendak dilihat adalah untuk mengkaji dan menganalisis kerelevanan konteks pengurusan yang diterapkan dalam novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur.

Objektif kajian ini yang pertama adalah untuk menjelaskan prinsip pengurusan dalam pengajaran dan pembelajaran Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur. Kedua, adalah untuk menganalisis prinsip pengurusan dalam pembelajaran Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur berdasarkan Teori Konstruktivisme. Seterusnya yang ketiga adalah untuk merumuskan prinsip pengurusan dan sastera dalam Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur

Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah penyelidikan yang menerangkan situasi yang berlaku pada masa kajian ini dijalankan. Menurut Azizi Yahaya (2017), kaedah temubual telah dijalankan bagi responden yang dipilih bagi memahami secara mendalam aktiviti berkaitan prinsip pengurusan yang diterapkan dalam pembelajaran Novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur. Creswell, J.W. (2013) menyebut bahawa kaedah temubual ini dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian terhadap ketetapan selaras dengan objektif yang dipilih. Data yang diperolehi akan dianalisis secara huraian deskriptif. Dapatan serta maklumat dari responden juga ditulis sebagai R1 hingga R5. Bagi lokasi kajian yang dipilih adalah berfokus terhadap 2 buah sekolah yang menawarkan kemasukan tingkatan 6 iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Gunong dan Sekolah Menengah Kebangsaan Long Yunus.

## **2. Ulasan Kajian Lepas**

### **Penerangan Ulasan Kajian Lepas**

Dalam melihat pelbagai kajian lepas mengenai aspek pengurusan, sebuah kajian oleh M. Mokhtar Abu Hassan (2013) juga turut dijadikan rujukan bagi kajian ini. Sebuah kertas kerja

telah dibentangkan dalam Himpunan Ilmuwan Sastera Melayu Malaysia di Universiti Pendidikan Sultan Idris, bertajuk *Pendekatan Pengurusan : Satu Metode dalam Kritikan Sastera*. Dalam kajian tersebut, terdapat beberapa contoh cerita-cerita rakyat yang dilihat berdasarkan Pendekatan Pengurusan. Penyelidikan yang meneliti Pendekatan Pengurusan berlandaskan Prinsip Perancangan ini telah membataskan perbincangan berdasarkan dua buah cerita rakyat, iaitu Sang Kancil dan Buaya serta cerita rakyat Lebai Malang. Dalam kajian tersebut, satu isu yang cuba dikembangkan adalah mengenai cara pengurusan yang berkesan dan efektif untuk merungkai permasalahan apabila meneliti karya sastera. Hal ini kemudian memperlihatkan bahawa kajian ini berjaya menghuraikan unsur pengurusan yang terdapat dalam pemikiran watak dalam cerita-cerita rakyat. Melalui dapatan kajian ini, dapat dilihat bahawa di sebalik kebijaksanaan terdapat pengurusan yang penting untuk menunjukkan adanya aspek perancangan yang bijak dalam teks yang dikaji.

Melalui sebuah kajian yang bertajuk *Ciri Usahawan & Korporat Melayu Terpuji Di Dalam Rimba Harapan & Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur* oleh Abdul Ghani Abu ada menyatakan bahawa kebiasaannya usahawan atau ahli perniagaan sering digambarkan mempunyai sifat yang negatif. Hal ini kerana mereka dikatakan hanya tahu mengaut keuntungan seperti dalam filem-filem Melayu. Namun begitu, Keris Mas telah berusaha memaparkan ciri-ciri korporat dan turut memberikan gambaran bahawa usahawan Melayu juga mempunyai sifat positif serta mengutamakan bangsa dan juga orang lain. Justeru itu, pelbagai nilai murni serta teladan baik telah diterapkan untuk ditonjolkan berdasarkan watak-watak usahawan dalam dua novel Keris Mas iaitu “Rimba Harapan” dan “Saudagar Besar dari Kuala Lumpur”. Personaliti yang diterapkan dalam karyanya telah menjadi asas dalam mengembangkan bidang perniagaan serta ekonomi masyarakat Melayu.

Dalam pada itu juga, Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur kerap dijadikan rujukan untuk pelbagai kajian dengan tajuk serta objektif yang berbeza. Dalam sebuah kajian oleh Nasirin Abdillah yang bertajuk *Fenomena Sosial Dalam Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur* ada menyebut bahawa terdapat fenomena sosial yang berlaku dalam novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji serta menganalisis secara menyeluruh tentang fenomena sosial yang ditemui dalam novel itu. Justeru jika dilihat secara umumnya juga novel ini membawa bermacam buah fikiran yang boleh dilihat dari pelbagai sudut pandangan. Melalui beberapa kajian lepas yang telah dikaji, dapat dilihat bahawa aspek pengurusan bukanlah aspek yang asing yang ingin dilihat oleh pengkaji, namun begitu, setiap pengkaji memilih subjek serta fokus yang berbeza samada dari segi teks yang digunakan atau objektif kajian yang ditetapkan. Dan jika dilihat dari pemilihan teks bagi kajian ini, iaitu novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur juga menunjukkan bahawa teks ini telah dikupas melalui pelbagai aspek seperti aspek sosial, pemikiran pengarang dan lain-lain.

### 3. Perbincangan dan Kesimpulan

#### **Hubungkait antara Subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif dengan Aspek Pengurusan**

Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) telah menyatakan di dalam kertas kerja beliau yang bertajuk “Pendekatan Pengurusan : Satu Metode dalam Kritikan Sastera” bahawa Pendekatan Pengurusan telah diaplikasikan menjadi satu pendekatan yang meneliti karya sastera dengan menerapkan lima prinsip asas pengurusan. Lima prinsip pengurusan telah digariskan dalam konteks pendidikan iaitu perancangan, kepimpinan, pengorganisasian, tenaga kerja serta

kawalan. Kelima-lima aspek prinsip ini akan dilihat secara langsung terhadap aspek struktur teks yang bermula dari watak dan perwatakan. Hal ini juga dilihat dalam konteks lain seperti nilai dan persoalan, serta latar atau pemikiran. Pengurusan dapat didefinisikan sebagai suatu proses yang dibentuk dan ianya memerlukan sesebuah perancangan.

Menurut R1, Penerapan aspek Pengurusan dalam sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif bermula apabila penggubalan sistem baharu pada tahun 2012, ketika itu pihak Majlis Peperiksaan Malaysia telah menggubal secara drastik KMK iaitu terbahagi kepada dua iaitu tradisional dan moden. Apabila Kementerian Pelajaran mengumumkan adanya perubahan sukatan pelajaran Tingkatan 6 yang diselaraskan seperti di peringkat IPTA yang dikenali sebagai sistem modular. Para guru untuk memilih dan menyusun tajuk pembelajaran bergantung kepada kesesuaian situasi. Pelbagai teknik digunakan dalam kaedah ini dan ia juga diterapkan mengikut situasi serta berdasarkan keupayaan murid. Penjenamaan semula subjek Kesusasteraan Melayu ini kemudian diubah kepada Kesusasteraan Melayu Komunikatif.

Donnelly (1987) mendefinisikan “pengurusan adalah proses yang dijalankan oleh seorang atau lebih individu untuk mengkoordinasi aktiviti-aktiviti orang lain untuk mencapai objektif yang mungkin tidak dapat dicapai jika dilakukan oleh seorang individu sahaja.” R2 menyatakan bahawa jika dilihat dalam konteks pembelajaran masa kini, aspek pengurusan menjadi salah satu elemen yang diterapkan dalam subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan 6 dalam Penggal 3. Ia meliputi tiga sub-topik seperti prinsip asas pengurusan, terapan terhadap teks dan organisasi sastera. Namun dalam kajian ini, pengkaji hanya akan memfokuskan untuk sub-topik utama iaitu prinsip asas pengurusan yang merangkumi aspek perancangan, pengorganisasian, tenaga kerja, kepimpinan dan kawalan.

### **Kesesuaian Teks Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur dengan Aspek Pengurusan**

R2 menyatakan bahawa beliau selaku tenaga pengajar bagi subjek Kesusasteraan Melayu Komunikatif, beliau melihat penerapan elemen pengurusan yang dipadankan dengan teks Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur merupakan satu gabungan yang sesuai. Hal ini kerana novel tersebut sememangnya berkisarkan ahli perniagaan iaitu Encik Muhammad yang merupakan seorang saudagar yang telah menubuhkan Syarikat Lombong Lembah Tualang. Dia juga menjadi rakan kongsi bersama ahli perniagaan lain iaitu Datuk Tan. Encik Muhammad merupakan orang Melayu yang mempunyai darah perniagaan bermula dari datuknya lagi. Keghairahan Encik Muhammad untuk menjayakan lombong seperti yang dirancang telah mendorong dia menggunakan pelbagai cara walaupun dengan pelbagai muslihat semata-mata untuk mencapai hasratnya.

Imam Saad, Lebai Maarup serta Rahim kemudian telah mengetahui sifat tidak jujur Encik Muhammad terhadap orang-orang Kampung Pulai. Muslihat Encik Muhammad yang hendak menyingkirkan orang-orang kampung dari kampung halaman mereka sendiri telah mereka sedari. Kesemua watak tersebut telah menentang Encik Muhammad dengan cara mereka sendiri. Tuk Empat Dahlan telah dikaburi dengan pangkat penghulu manakala Imam Saad pula dilantik menjadi imam menggantikan imam tua yang dibersarakan. Encik Muhammad kemudian terpaksa berhadapan dengan Tauke Chan yang menyimpan dendam terhadap Encik Muhammad kerana projek perumahannya pernah gagal berpunca dari Encik Muhammad. Pendekar Omar telah diupah oleh Tauke Chan untuk memusnahkan ladang orkid Cik Puan Tipah. Meskipun begitu, Pendekar Omar berjaya ditangkap polis seperti Mat Akil yang ditangkap polis kerana telah mencederakan Lebai Maarup. Keris Mas telah meletakkan pengakhiran yang puitis terhadap Encik Muhammad yang rebah tersungkur menjelang pelaksanaan projek lombong yang hanya bermatlamat untuk mengaut keuntungan bersama



Datuk Tan. Permintaan Lebai Maarup dan Rahim terpaksa disetujui oleh Encik Muhammad supaya tanah wakaf daripada Lebai Maarup dan Imam Saad tidak dilombong. Tanah itu kemudiannya didirikan kompleks dalam menampung keperluan agama dan sosial.

Melihat kepada jalan cerita novel ini juga telah menunjukkan adanya pelbagai konteks pengurusan yang boleh dilihat secara jelas lebih-lebih lagi jika berfokus terhadap aspek pengurusan yang ditonjolkan oleh Encik Muhammad selaku pengurus syarikat Firma Serbadagang. Dengan jawatannya sebagai pengurus syarikat itu, sudah tentu dia menguruskan syarikat itu dengan sebaik mungkin untuk capai matlamat hingga berjaya. R2 menyatakan bahawa ketika beliau dipanggil untuk dilatih sebagai jurulatih utama negeri untuk menyebarkan info mengenai aspek pengurusan ini kepada guru-guru KMK, Prof. Mokhtar Hassan telah memaklumkan kenapa elemen pengurusan ini dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran KMK adalah bertujuan untuk menjadikan KMK sebagai satu subjek yang berdaya saing untuk membolehkan pelajarannya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Beliau turut menetapkan bahawa dengan adanya penerapan elemen pengurusan dalam sastera ini makin menunjukkan kebolehpasaran yang lebih tinggi terhadap subjek KMK dalam sektor pekerjaan kerana elemen pengurusan dilihat sebagai satu nilai tambah untuk dipelajari dalam masa hadapan.

### **Pandangan dari sudut Teori Konstruktivisme**

Menurut Agus & Cahyo (2013) Teori Konstruktivisme merupakan teori yang tidak asing lagi dalam dunia pendidikan. Konstruktivisme membawa erti sifat membangun. Istilah konstruktivisme diertikan sebagai satu keupayaan membangun tata susunan hidup yang berbudaya moden. Dalam konteks pendidikan, konstruktivisme merupakan falsafah pembelajaran yang diasaskan kepada beberapa teori pembelajaran, seperti teori perkembangan kognitif dan teori kognitif sosial. Konstruktivisme juga memberi satu fahaman bahawa pelajar membina sendiri pengetahuan mereka atau berdasarkan pengetahuan serta pengalaman yang sedia ada. Dalam proses pembelajaran yang berlangsung, pelajar akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina sebuah pengetahuan baru. Hal ini dapat difahami bahawa konstruktivisme merupakan sebuah teori yang menunjukkan pelajar membangun dari segi kemampuan dan pemahaman dalam proses pembelajaran.

Teori Konstruktivisme menetapkan bahawa manusia membina pemahaman dan pengetahuannya sendiri tentang dunia di sekelilingnya dengan mengalami dan membuat refleksi ke atas pengalaman tersebut. Melalui hasil temubual bersama R3 dan R4, mereka mengatakan sewaktu mula mempelajari aspek pengurusan, mereka sudah mendapat gambaran bahawa pengurusan merupakan satu proses dimana ia dapat menjadi satu acuan yang menjadikan sesuatu perkara atau tindakan itu lebih teratur dan terancang. Hal ini kerana mereka telah belajar beberapa aspek pengurusan secara umum sewaktu berada di Tingkatan 5. Dalam pada itu juga, R5 pula menyatakan, pemahamannya mengenai pengurusan lebih jelas memandangkan ayahnya seorang guru dan ayahnya pernah menceritakan kepada beberapa aspek pengurusan seperti aspek kepimpinan dalam menjalankan tugas terutama apabila kita menggalas tugas sebagai ketua. Oleh itu, sewaktu diperkenalkan dengan aspek pengurusan, beliau sudah mendapat gambaran secara umum melalui penerangan guru serta dikaitkan pula dengan pengalaman sedia ada pelajar. Bagi R6 pula, aspek pengurusan merupakan aspek baru yang dipelajari olehnya. Apabila diperkenalkan dengan pengurusan, beliau menjadi cukup teruja memandangkan aspek ini hendak dilihat pula melalui teks yang dipelajari iaitu novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur. Hal ini mendorong beliau lebih aktif di kelas kerana teruja untuk mempelajari tajuk yang baru.

Kesimpulannya, aspek pengurusan yang diterapkan dalam novel *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur* membuka ruang lingkup pembelajaran baru kepada pelajar sekaligus memantapkan lagi subjek itu sendiri bagi membolehkan subjek itu dalam kebolehpasaran subjek itu dari aspek pendidikan tinggi atau peluang pekerjaan. Dalam pada itu, aspek pengurusan yang ditonjolkan dalam karya sastera seperti *Novel Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur* menunjukkan adanya proses silang ilmu antara aspek pengurusan dan juga nilai sastera itu sendiri.

## Rujukan

- Amat Juhari Moain. (1989). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al. Ramaiah. (2009). *Kepimpinan Pendidikan*. Puchong: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Certo, Samuel C. (1997). *Modern Management: Diversity, Quality, Ethics, And the Global Environment*. New Jersey, Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Edaris Abbu Bakri. (2004). *Pengurusan Strategik : Konsep dan Aplikasi untuk Pendidikan*: Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd..
- Husin Mahmood. (1993). *Kepimpinan Berkesan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hollander, Edwin P.; Offermann, Lynn R. *Power and Leadership in Organizations: Relationships in Transition*. *American Psychologist*, Vol. 45(2), Feb 1990, 179-189.
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur. Longman.
- Jaafar Muhamad. (1999). *Asas Pengurusan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Kamus Dewan. (1994). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan Sastera Kanak-Kanak di Malaysia*. Shah Alam: Cerdik Publications sdn. Bhd.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2013). *Pendekatan Pengurusan: Satu Metode Dalam Kritikan Sastera*. Himpunan Ilmuwan Sastera Melayu Malaysia Kedua Universiti Perguruan Sultan Idris, 4-5 Oktober, 2013.
- Othman Puteh. (1984). *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh dan Aripin Said. (2008). *366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Pawang Ana dan Raja Haji Yahya. (1998). *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Permata Sastera Melayu. (2012). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rahim Abdullah. (1988). *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.